

KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI MELAKA BERHAD

No. 13-A, Plaza Seri Kubu, Jalan Tan Chay Yan, 75300 Melaka

Tel:06-2848455 / 2848354 Fax: 06-2823401

Koop: 0620/01/26/ (1)

13 Januari 2026

Tuan / Puan,

NOTIS DAN SYARAT-SYARAT LAYAK BERTANDING ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (ALK)

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa anggota koperasi (**perwakilan**) yang berminat bertanding jawatan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) pada Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi ini yang dijadualkan pada **20 Jun 2026** hendaklah mematuhi syarat-syarat sebagaimana yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam Garis Panduan Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (GP3) menurut subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993.

Sehubungan dengan itu, anggota Perwakilan yang berminat perlu memperolehi terlebih dahulu Penentusahan Calon Layak Bertanding Anggota Lembaga Koperasi (ALK) daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan mematuhi notis ini dan syarat-syarat tersebut di atas seperti berikut:-

1. Anggota telah layak mengikut Undang-Undang Kecil 36 (UUK 36) dan seksyen 43 Akta.
2. Melengkapkan Borang-Borang berikut :- (**boleh didapati dari pejabat koperasi**)
 - 2.1. Borang SKM/BP – Maklumat Peribadi Calon ALK.
 - 2.2. Borang SKM/TAP/KEW (sekiranya perlu) – Tapisan Kewangan Calon ALK.
 - 2.3. Salinan Asal Laporan Kredit Calon (yang diperolehi **daripada Bank Negara Malaysia**).
 - 2.4. Salinan Asal Jawapan Rekod Kebankrapan (yang diperolehi **daripada Jabatan Insolvensi Malaysia**).
 - 2.5. Mengisi dan melepasi Sistem Tapisan Keutuhan SPRM
3. Borang SKM/BP dan Borang SKM/TAP/KEW yang telah dipenuhi bersama “Salinan Asal Laporan Kredit” dan “Salinan Asal Jawapan Rekod Kebankrapan” hendaklah diserahkan **ke pejabat koperasi sebelum 16 Februari 2026**.

Koperasi akan menyemak / memproses borang permohonan dan dokumen yang diterima dari calon-calon ALK dan akan diserahkan untuk mendapat “Penentusahan” daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Di atas kerjasama Tuan / Puan terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih dan sekian.

‘ SATU UNTUK SEMUA, SEMUA UNTUK SATU ’

Saya yang menjalankan amanah,



(**HAMRAM BIN NOR**)
Setiausaha

s.k. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Negeri Melaka.